

TERMA DAN SYARAT PROGRAM KEAHLIAN INDIVIDU SKIM KHAIRAT PENGURUSAN JENAZAH DAN KEBAJIKAN YSB (SKPJK)

1.0 Syarat Penyertaan & Pembayaran

- a. Keahlian adalah terbuka kepada semua ahli kariah MTAA dan sekitar serta semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap yang beragama Islam
- b. Had umur mendaftar untuk dewasa adalah 18 tahun hingga 65 tahun.
- c. Tempoh keahlian adalah selama setahun (365 hari) bermula dari tarikh efektif keahlian.
- d. Manfaat khairat hanya bermula 30 hari selepas permohonan diluluskan.
- e. Penerimaan bayaran bukan bermakna pemohon telah diterima secara automatik sebagai ahli khairat.
- f. Makluman kelulusan akan dimaklumkan kepada peserta dalam tempoh 30-45 hari daripada permohonan/pembayaran.
- g. Sekiranya peserta meninggal dunia di dalam tempoh menunggu, wang sumbangan peserta akan dikembalikan sepenuhnya kepada waris.
- h. Kad Keahlian boleh dituntut daripada masjid/organisasi/pertubuhan dimana peserta mendaftar.
- i. Pihak Khairat YSB berhak menolak sebarang permohonan / pendaftaran tanpa sebarang notis / makluman.
- j. Pihak Khairat YSB Jenazah berhak mengubah, meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada terma, syarat dan peraturan ini tanpa sebarang notis semasa permohonan pembaharuan keahlian.

2.0 Prosedur Tuntutan

- a. Bagi tuntutan segera semasa hari kematian, waris boleh menelefon atau mesej terus ke talian hotline YSB 011-68782008 atau melalui wakil Khairat YSB terdekat.
- b. Pihak waris perlu mengemukakan bukti salinan sijil kematian atau permit perkuburan, bukti hubungan keluarga dengan si mati dan maklumat perbankan semasa membuat tuntutan kematian.
- c. Perkhidmatan pengurusan jenazah bagi kematian di dalam kariah MTAA dan kawasan sekitar akan diuruskan sendiri oleh pasukan pengurusan jenazah MTAA. Baki tunai (jika berkenaan) akan diserahkan kepada waris selepas tempoh 30 hari bekerja.
- d. Bagi kematian pengurusan jenazah di luar kariah MTAA atau di luar Lembah Klang, sekiranya waris memilih untuk menguruskan sendiri jenazah atau diuruskan oleh pengurusan kariah surau/masjid tempatan, pihak Khairat YSB akan memberikan pendahuluan wang tunai kepada waris atau masjid/surau atau badan yang menguruskan sebanyak RM1,500.00 dalam tempoh 24 jam selepas dokumen lengkap dan pengesahan punca kematian di buat.

- e. Manfaat selain daripada pengurusan jenazah (jika berkenaan) hanya dilaksanakan dalam tempoh 30 – 45 hari bekerja selepas semua dokumen lengkap seperti laporan polis, laporan perubatan dan sebagainya dikemukakan oleh waris.

3.0 Skop Perkhidmatan Pengurusan Jenazah

3.1 Perkhidmatan pengurusan Jenazah yang diberikan adalah semasa hari kematian adalah seperti berikut :-

- i. Khidmat nasihat kepada waris.
- ii. Membantu waris bagi proses dokumentasi kematian jika diperlukan.
- iii. Pengangkutan Jenazah dari tempat kematian ke hospital, rumah, masjid/surau dan tanah perkuburan.
- iv. Memandikan jenazah.
- v. Mengkafankan jenazah.
- vi. Solat jenazah.
- vii. Pengebumian/talqin jenazah.
- viii. Menyantuni dan menjaga kehormatan jenazah sepanjang masa ianya diuruskan.

3.2 Perkhidmatan pasca hari kematian adalah seperti berikut :-

- i. Tahlil
Bacaan zikir dan tahlil akan dilaksanakan di MTAA dan badan yang berdaftar dengan pihak YSB.
- ii. Waqaf/Infaq
Akan disalurkan untuk tabung amanah pengurusan jenazah YSB bagi mengendalikan jenazah muslim yang tiada waris, keluarga tidak berkemampuan, pusat-pusat pengajian atau tabung kebajikan MTAA.
- iii. Tunai tambahan
Adalah wang tunai kepada waris untuk sebarang kegunaan dan keperluan waris.
- iv. Nasihat pentadbiran pusaka
Pihak YSB akan memberikan khidmat nasihat pusaka si mati secara percuma kepada waris jika diperlukan dengan kerjasama pihak pentadbir harta pusaka bertauliah.
- v. Kad keahlian
Kad dikeluarkan sekali sahaja. Tetapi tiada khidmat atau manfaat yang layak diterima peserta sekiranya peserta tidak membuat pembaharuan atau bayaran seperti yang ditetapkan. Penggantian kad boleh dibuat dengan bayaran RM30.00.

5.0 Pengecualian

Kematian yang berpunca secara langsung atau tidak langsung disebabkan daripada mana-mana yang berikut:

- i. Berpunca daripada sakit kronik sedia ada.
- ii. Bunuh diri samada secara waras atau tidak waras
- iii. Aktiviti yang melanggar dengan undang-undang
- iv. Aktiviti yang bertentangan dengan syariah
- v. Akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau lain-lain penyakit kelamin
- vi. Aktiviti sukan lasak/merbahaya
- vii. Terlibat dalam situasi peperangan/darurat/rusuhan

6.0 Maklumat penting

6.1 Program ini adalah satu program keahlian. Oleh itu peserta yang menyertai program ini bersetuju dengan terma dan syarat keahlian seperti yang dinyatakan dan membenarkan pihak YSB mentadbir wang sumbangan berkenan bagi tujuan menjaga kebajikan semua ahli dan kelangsungan tabung khairat melalui kerjasama dengan pihak Takaful dan badan-badan yang difikirkan perlu. Pihak YSB

6.2 Program ini adalah satu program pembaharuan secara tahunan/bulanan. Pihak YSB berhak pada bila-bila masa meminda kadar manfaat dan sumbangan yang ditetapkan bergantung kepada kos semasa dan kedudukan kewangan tabung khairat.

6.3 Semua data peribadi peserta adalah tertakluk di bawah Akta Data Peribadi. Walaubagaimanapun, pihak peserta membenarkan YSB untuk berkongsi maklumat dan data peribadi dengan pihak ketiga yang difikirkan perlu bagi tujuan pengesahan dan perkhidmatan terbaik kepada peserta.

7.0 No dan alamat perhubungan

Yayasan Semestra Berdaftar

Aras Bawah, Masjid Tun Abdul Aziz, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 14, 46100
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
+603-79322062 / +6011-68782008
skpjk@ysb.my

PERAKUAN PEMOHON

Saya _____; No K/p : _____
memahami dan bersetuju dengan terna dan peraturan (sebagaimana lampiran) yang ditetapkan
oleh pihak Pengurusan Yayasan Semesta Berdaftar diatas.

Nama:
Tarikh: